

UCAPAN:

YAB DATUK SERI DIRAJA DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

KONVENSYEN JAWATANKUASA PASUKAN PERANCANG PELAKSANA PROGRAM (4P) DAN BELIA LUAR BANDAR LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)

PADA:

25 JULAI 2025 (JUMAAT) I 8.30 MALAM

BERTEMPAT DI:

DEWAN KONVENSYEN

AL-BUKHARY INTERNATIONAL UNIVERSITY

ALOR SETAR, KEDAH

Terima kasih tuan/puan pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

<SALUTASI>

MUKADDIMAH

1. ***"Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung."***

2. Inilah falsafah warisan bangsa, tidak lekang dek hujan, tidak lapuk dek zaman. Falsafah yang menjadi pegangan saya dalam memimpin dan menggalas amanah, khususnya dalam menjayakan agenda pembangunan desa yang bersifat lestari, inklusif dan berjiwa rakyat.

3. Saya teguh berpegang bahawa kekuatan sebenar negara ini bukan sekadar terletak di puncak bangunan pencakar langit di kota raya, tetapi tumbuh dari akar yang kukuh di desa, di ceruk kampung yang membesarkan pejuang, melahirkan pemimpin, dan mencorak jati diri bangsa. Di sinilah bermula denyut nadi Malaysia yang sebenar.

4. Justeru, apabila saya diundang untuk hadir ke **Konvensyen Jawatankuasa Pasukan Perancang**

Pelaksana Program (4P) dan Belia Luar Bandar ini, hati saya terpanggil, kerana inilah medan pertemuan para pejuang akar umbi yang tidak pernah mengharapkan sorotan kamera, tetapi jasanya menjangkau jauh hingga ke ceruk tanah air.

5. Maka, saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan khususnya sahabat saya, **YBhg. Dato' Seri Diraja Mahdzir bin Khalid**, atas kepimpinan dan iltizam beliau dalam menjayakan konvensyen yang sangat bermakna ini.

6. Pada saya, konvensyen ini amat penting **sebagai titik temu antara harapan rakyat dengan iltizam Kerajaan**.
   Di sinilah aspirasi nasional diterjemahkan menjadi tindakan…
   Di sinilah suara desa diangkat, dihormati dan diberdayakan.. dan
   Di sinilah juga kita menyemai masa depan yang lebih mapan dan bermaruah buat seluruh warga desa.

KONVENSYEN 4P DAN BELIA LUAR BANDAR

Hadirin sekalian,

4. Hari ini, kita berkumpul untuk mengangkat satu tekad, bahawa kepimpinan dari bawah tidak pernah sunyi nilainya. **Peranan Jawatankuasa Perancang Pelaksana Program (4P) bukan sekadar jawatankuasa tetapi suara rakyat di peringkat paling asas, yang harus diberikan ruang, kuasa, dan kepercayaan untuk menyumbang kepada pembangunan negara**.

5. Menerusi konvensyen ini, ianya menjadi detik penting dalam menzahirkan hasrat Kerajaan khususnya Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dalam **memperkasakan kepimpinan warga desa dan belia.**

6. Mengapa peranan anda penting? Kerana andalah nadi yang akan menjadi pemangkin kemajuan Negeri Kedah, bahkan negara secara keseluruhan. Ruang lingkup di bawah naungan **Desa KEDA** melibatkan **56 perkampungan** yang menempatkan **5,066 buah rumah**, dengan hampir **30,000 penduduk** - sebuah komuniti besar yang berpotensi besar untuk mencorak pembangunan desa yang lestari dan inklusif.

7. Tambahan pula, tahun ini sebanyak **RM40.7 juta telah diperuntukan kepada KEDA untuk manfaat kumpulan sasar, termasuk golongan belia luar bandar di seluruh negeri Kedah**. Daripada jumlah itu, sebanyak **RM 10.62 juta telah diperuntukkan khusus untuk inisiatif kepimpinan desa dan pemerkasaan belia** yang merangkumi bidang kepimpinan, keusahawanan, pendidikan serta latihan kemahiran.

8. Oleh itu, saya amat yakin bahawa peranan **Jawatankuasa 4P dan Pertubuhan Belia Desa** ini bukan sahaja relevan, malah sangat strategik dalam membantu **KEDA** menyampaikan dasar, mesej dan inisiatif kerajaan secara terus kepada masyarakat desa. Anda semua adalah penghubung antara iltizam kerajaan dan harapan rakyat di akar umbi.

MEMACU KECEMERLANGAN KEPIMPINAN DESA

9. Saya juga melihat **konvensyen ini berbeza dari konvesyen yang lain apabila ia berjaya menggabungkan pimpinan veteran dan belia dalam satu kelompok yang sama**. Sudah tentu dua gabungan ini mempunyai potensi yang sangat tinggi kepada

kecemerlangan institusi kepimpinan desa namun perlu ada sinergi yang sangat baik. Bak kata pepatah '*Yang Tua Dihormati, Yang Muda Disayangi'*.

10. Untuk menjadikan kepimpinan desa terus cemerlang dalam melaksanakan fungsi dan peranannya, saya menyarankan beberapa tindakan yang wajar diberikan perhatian oleh anda semua sebagai pemimpin desa, tidak kira peringkat umur:

a) **Pertama, jadilah pemimpin yang turun padang, jangan hanya menunggu laporan, tetapi mendengar sendiri denyut nadi rakyat.** – Anda semua mesti dekat dengan masyarakat, mendengar keluhan mereka secara langsung, dan memahami cabaran sebenar dari lapangan.

b) **Kedua, utamakan amanah dan integriti kerana kepimpinan tanpa integriti umpama rumah tanpa tiang, runtuh bila diuji**. - Pastikan setiap sen peruntukan dan geran desa digunakan untuk manfaat rakyat, bukan kepentingan sendiri. Telus dan adil dalam membuat keputusan yang menyentuh komuniti kampung.

c) **Ketiga, tegas dalam prinsip, lembut dalam pendekatan**. – saya mahu kepimpinan desa mesti tegas dalam hal peraturan dan ketenteraman kampung. Namun, sentiasa bertindak dengan hikmah dan pendekatan kasih sayang.

d) **Keempat, perkasa teknologi kerana zaman berubah, pemimpin desa juga perlu mahir teknologi**. – Jadi, manfaatkan media sosial untuk komunikasi dengan penduduk. Gunakan aplikasi digital untuk urus aduan, kemas kini data isi rumah atau memohon bantuan luar bandar secara atas talian.

e) **Dan yang kelima, tingkatkan ilmu kepimpinan selari kehidupan**. – Gunakan buku panduan ini sebaiknya untuk menyusun jawatankuasa secara sistematik, membentuk kepimpinan desa yang cemerlang dan sebagai rujukan dalam kehidupan seharian.

11. Inilah aspirasi yang perlu kita sematkan. Rakyat hari ini bukan hanya menilai isu nasional dan tempatan, tetapi juga keupayaan wakil rakyat untuk menjiwai dan

mewakili aspirasi mereka dengan keperibadian seperti yang saya sebutkan.

GERAN HAK MILIK, PELENGKAP EKOSISTEM KEHIDUPAN DESA

Hadirin sekalian,

7. Memetik firmah Allah SWT di dalam Surah Ar-Rahman, ayat 13, yang maksudnya:

"Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?".

8. Ayat ini diulang-ulang sebanyak 31 kali dalam surah tersebut untuk mengingatkan manusia dan jin tentang pelbagai nikmat yang telah Allah SWT berikan untuk mendorong mereka agar mensyukuri nikmat-nikmat tersebut.

9. Berbicara kepada 326 penerima geran, hari ini mengesahkan bahawa anda bukan lagi penyewa atau penghuni sementara, tetapi adalah pemilik yang sah. Keraian ini seharusnya menjadi nikmat yang patut disyukuri.

10. Kita semua tahu bahawa rumah adalah keperluan asas dalam kehidupan. Ia bukan sekadar struktur batu dan simen, tetapi tempat lahirnya kasih sayang, pendidikan, nilai dan harapan. **Rumah juga bukan sekadar tempat berteduh, tetapi medan lahirnya ketamadunan bangsa**.

11. Sebab itu KEDA telah berusaha ke arah ini - membelanjakan sebanyak **RM91.87 juta sejak tahun 2015 hingga 2024** melibatkan proses mendapatkan hakmilik melalui pembayaran premium yang merangkumi geran hakmilik rumah, perindustrian, pertanian dan lain-lain. Tahun ini, **sebanyak RM3 juta lagi diperuntukkan** untuk proses mendapatkan hakmilik bagi tanah-tanah yang belum mempunyai geran.

KKDW MEMACU KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN DESA

12. Sebagai Menteri KKDW yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan masyarakat desa, saya berusaha untuk memacu hala tuju Kementerian ini sedang **melaksanakan pelbagai inisiatif sokongan seperti Program Kesejahteraan Rakyat Desa**

(iDESA), Program Digital Desa, Geran Usahawan Desa, Projek Mini Grid Solar untuk luar bandar.

13. Ya, semua ini bertujuan untuk melengkapkan ekosistem kehidupan desa agar tidak ketinggalan dalam arus kemajuan negara. Malah, saya mahu masyarakat desa di seluruh negara menjadi penyumbang penting kepada ekonomi dan kemajuan negara keseluruhannya.

14. Justeru, menjadi hasrat saya agar apabila ekosistem dan ekonomi desa semakin kukuh, **lebih ramai anak desa akan memilih untuk kekal di tanah kelahiran mereka**, bukan sekadar membina kehidupan, tetapi mencipta kejayaan. Saya mengimpikan lahirnya lebih banyak kawasan desa yang berdaya saing, progresif dan mampu menjadi pemacu utama kepada kemajuan negara secara menyeluruh.

15. Lihat sahaja di **Raub, Pahang**, yang telah membina ekosistem durian secara menyeluruh, daripada ladang ke pasaran antarabangsa sehingga mampu mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan tinggi.

16. Di selatan pula, **Pontian, Johor** menyaksikan lonjakan ekonomi luar bandar melalui pertanian moden dan

industri hiliran seperti pemprosesan makanan laut. Pendekatan ini bukan sahaja mengekalkan penduduk setempat, malah menarik warga bandar untuk kembali menetap dan melabur.

17. Justeru, saya mahu KEDA agar terus bersaha mencari alternatif terbaik, khususnya dalam sektor pertanian yang bukan sahaja dapat mengangkat potensi warga KEDA, tetapi juga dapat menjamin pulangan pendapatan yang lebih lumayan dan berterusan.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya berkongsi satu keyakinan yang saya pegang teguh: **apabila rakyat diberi hak, ruang dan kepercayaan — mereka akan bangkit membina kehidupan yang lebih bermakna, untuk diri, keluarga dan tanah air tercinta.**

19. Kepada para penerima geran hari ini, pesan saya — **“Binalah rumah dengan tangan, bentuklah keluarga dengan hati, dan suburkan komuniti dengan jiwa yang**

ikhlas.” Itulah asas kepada sebuah negara yang sejahtera.

20. Konvensyen ini bukan sekadar perhimpunan, tetapi **bekalan untuk memperkukuh iltizam dan kepimpinan desa.** Jadikan ia medan untuk memperbaiki diri, memperluas ilmu, dan memperteguh semangat khidmat demi membina masyarakat yang berdaya tahan dan bermaruah.

21. **Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,** saya dengan sukacitanya merasmikan **Konvensyen Jawatankuasa Pasukan Perancang Pelaksana Program (4P) dan Belia Luar Bandar, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.